



# PELAN INDUK TRAFIK KUALA LUMPUR 2040

# Prakata

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera,

Segala puji kepada Allah SWT, syukur alhamdulillah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya menghasilkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) yang menjadi panduan dalam pengurusan lalu lintas di Kuala Lumpur.

PITKL2040 ini memberikan cadangan yang komprehensif bagi mempertingkatkan perkhidmatan jalan raya di Kuala Lumpur. PITKL2040 turut mencadangkan penggunaan pengangkutan awam dengan menentukan sasaran nisbah pisah ragam (*modal split*) 70:30. Langkah-langkah komprehensif bagi mencapai sasaran ini juga dicadangkan bagi pelaksanaan secara berperingkat.

Bagi mencapai sasaran nisbah pisah ragam 70:30, fokus perancangan perlu ditekankan kepada meningkatkan jumlah pengguna menaiki pengangkutan awam seperti pengangkutan rel, perkhidmatan bas, serta menggalakkan perkhidmatan *first mile - last mile* seperti kemudahan pejalan kaki, laluan berbasikal serta mikromobiliti. PITKL2040 juga mencadangkan penyediaan kemudahan *Park & Ride* di stesen-stesen pengangkutan awam atau di kawasan yang mempunyai kemudahan akses ke stesen pengangkutan awam.

Dalam usaha merealisasikan sasaran ini, kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan amatlah penting. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, agensi-agensi sahabat seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Prasarana, MRT, KTM, MIROS, PDRM, JPJ, APAD dan PBT-PBT bersempadanan dengan Kuala Lumpur agar terus komited untuk memastikan tindakan dan pemantauan pelaksanaan terhadap pengurusan lalu lintas tercapai dan dapat memastikan matlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Neutral Karbon pada tahun 2050 terlaksana.


Sekian, terima kasih

Datuk Seri Hj. Mahadi Bin Che Ngah  
Datuk Bandar Kuala Lumpur



**DEWAN BANDARAYA  
KUALA LUMPUR**

**PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040  
PITKL2040**

- 
- 1. PELAN INDUK TRAFIK KUALA LUMPUR**
  - 2. KEADAAN TRAFIK SEMASA KUALA LUMPUR TAHUN 2020**
  - 3. ISIPADU TRAFIK MENGIKUT ZON DAN INTENSITI GUNA TANAH**
  - 4. MENCAPAI SASARAN MOD PISAH RAGAM**
  - 5. ANALISA TERHADAP MOD MOBILITI AKTIF**
  - 6. CADANGAN PELENGKAP JARINGAN JALAN**
  - 7. PEMBANGUNAN SISTEM (MODEL TRAFIK EMME/4)**
  - 8. PEMBANGUNAN MODEL TRAFIK TAHUN MASA HADAPAN**
  - 9. KESIMPULAN**



PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040  
**PITKL2040**

# **BAB 1**

# **PELAN INDUK TRAFIK KUALA**

# **LUMPUR**

# 1.1 PELAN INDUK TRAFIK KUALA LUMPUR 2040

Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) merupakan satu pelan tindakan yang disediakan dalam melaksanakan pengurusan lalu lintas di Kuala Lumpur pada waktu puncak pagi dan petang. PITKL2040 ini telah dirangka berdasarkan kajian lalu lintas serta unjurannya sehingga tahun 2040. PITKL2040 dibangunkan dengan mengambilkira pembangunan model trafik tahun semasa yang diunjurkan sehingga tahun 2040 berdasarkan zon dan intensiti guna tanah masa hadapan. PITKL2040 turut mengesyorkan langkah-langkah pelaksanaan inisiatif bagi mempertingkatkan kemudahsampaian ke Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur melalui peralihan kepada mod pengangkutan awam menjelang 2040.

Penyediaan PITKL2040 adalah berdasarkan maklumat-maklumat semasa dan masa hadapan berkaitan data lalu lintas, zon guna tanah dan intensiti pembangunan, laluan rel, lokasi *Park & Ride* serta kawasan tadahan stesen transit. PITKL2040 juga akan menentukan keperluan jalan sedia ada yang akan dinaik taraf dan membina *missing link* bagi melengkapkan fungsi hirarki jalan agar dapat melancarkan aliran trafik.

PITKL2040 adalah panduan untuk penilaian impak trafik bagi cadangan pembangunan dan panduan kepada agensi teknikal berkaitan pengangkutan awam dalam melaksanakan inisiatif untuk mencapai sasaran pisah ragam.



PITKL2040 turut mensasarkan pencapaian mod pisah ragam pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian iaitu 70:30 pada tahun 2040 bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor persendirian pada waktu puncak. Mod pisah ragam pengangkutan awam diambil kira melalui analisa perjalanan individu menggunakan mobiliti aktif, teksi, e-hailing, perkhidmatan bas dan rel.


PITKL2040 mencadangkan keperluan melengkapkan jaringan jalan serta inisiatif untuk mencapai sasaran mod pisah ragam. Keperluan melengkapkan jaringan jalan dengan mengenal pasti *missing links* dan hubungan lebuh raya ke lebuh raya. Inisiatif langkah untuk mencapai sasaran mod pisah ragam yang perlu dilaksanakan adalah berdasarkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada serta mengenal pasti keperluan kemudahan sokongan *first mile – last mile* bagi mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam yang optimum.

Maklumat-maklumat yang diambil kira dalam penyediaan pelan induk ini adalah melalui rujukan berdasarkan:

1. Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020)
2. Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Draf PTKL2040)
3. Pembangunan yang komited termasuk Laporan Impak Trafik (TIA)

## SASARAN MOD PISAH RAGAM 2040

30% KENDERAAN PERSENDIRIAN



70% PENGANGKUTAN AWAM





## 1.2 OBJEKTIF PITKL2040

- i. Mencadangkan perancangan isipadu trafik mengikut *Traffic Analysis Zone* (TAZ) berdasarkan zon dan intensiti guna tanah di Kuala Lumpur.
- ii. Mencadangkan penyambungan rangkaian jalanraya baru dan menaiktaraf infrastruktur rangkaian jalanraya sedia ada bagi melancarkan aliran trafik.
- iii. Mencadangkan langkah-langkah inisiatif bagi mencapai sasaran pisah ragam (*modal split*) optimum di antara pengangkutan awam dan kenderaan persendirian.

## 1.3 HASIL PITKL2040

- i. Cadangan mempertingkatkan kapasiti jalan yang melibatkan penyambungan lebuhraya ke lebuhraya, mengenalpasti koridor jalan - jalan yang tidak bersambung (*missing link*) serta jalan yang perlu dinaiktaraf;
- ii. Cadangan langkah-langkah inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi mencapai mod pisah ragam yang disasarkan;
- iii. Model Trafik *Macro-scopic* Kuala Lumpur untuk membuat penilaian terhadap laporan TIA;





**BAB 2**  
**KEADAAN TRAFIK SEMASA**  
**KUALA LUMPUR**  
**TAHUN 2020**



## BAB 2 : KEADAAN TRAFIK SEMASA KUALA LUMPUR TAHUN 2020

Pemahaman yang menyeluruh mengenai keadaan trafik bagi Tahun Semasa 2020 (BY2020) adalah penting dalam menyediakan Pelan Induk Trafik 2040 (PITKL2040). Data trafik sedia ada (*secondary data*) dan data bancian terkini (*primary data*) telah dikumpul, disusun dan dianalisa untuk membangunkan model trafik dengan menggunakan perisian EMME/4.

Berikut merupakan ringkasan data yang telah dikumpul.

| JENIS DATA |   |  |
|------------|---|--|
| 1.         | <b>Jumlah Trafik</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bancian di tapak = 17 lokasi</li><li>• Data sekunder = 345 lokasi *</li><li>• Data sejarah RTVM, KKR</li><li>• Data Lebuhraya Tol, LLM</li></ul> |
| 2.         | <b>Masa Perjalanan</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bancian di tapak = 42 laluan</li><li>• Data sekunder daripada Google Map dan Waze</li></ul>  |
| 3.         | <b>Corak Asal –Tuju (OD)</b>                                  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bancian dalam talian = 480 responden</li><li>• “DIGI Telco Big Data” = 114,942,684 sampel</li></ul>  |
| 4.         | <b>Bancian Pilihan Pengguna (pengguna mod mobiliti aktif)</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bancian di tapak = 10 lokasi (399 responden)</li><li>• Bancian dalam talian = 163 responden</li></ul>  |
| 5.         | <b>Masa Perjalanan Transit</b>                                | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bancian di tapak = 14 laluan transit</li></ul>   |

## 2.1 KEADAAN TRAFIK SEMASA 2020

Aliran trafik semasa di Kuala Lumpur adalah lebih kepada aliran trafik keluar dan masuk Pusat Bandar. Puncak Pagi tertumpu kepada aliran masuk ke Pusat Bandar dan Puncak Petang tertumpu kepada aliran keluar. Jalan-jalan utama dari luar Kuala Lumpur menunjukkan kesesakan di bawah 30km/j. Dengan purata kelajuan 23 km/j di atas jalan-jalan di Kuala Lumpur pada kedua-dua waktu puncak, 89% trafik di Puncak Pagi adalah bertujuan ke tempat kerja dan perniagaan manakala 98% trafik di Puncak Petang adalah bertujuan pulang ke kediaman.

Purata tahap perkhidmatan di jalan-jalan utama ini adalah pada *Level of Service E* pada waktu puncak pagi dan puncak petang.

Secara amnya, trafik yang keluar dan masuk Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur mempunyai permintaan perjalanan yang tinggi bagi tujuan pergi bekerja pada sebelah pagi dan pulang ke kediaman di sebelah petang.

### PUNCAK PAGI




### PUNCAK PETANG






## 2.2 TREND TRAFIK SEMASA 2020

Trend Tujuan Perjalanan



Mod Perjalanan Pilihan



## 2.3 SASARAN TREND TRAFIK TAHUN 2040





PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040  
**PITKL2040**

# **BAB 3**

# **ISIPADU TRAFIK MENGIKUT ZON**

# **DAN INTENSITI GUNA TANAH**

## BAB 3: ISIPADU TRAFIK MENGIKUT ZON DAN INTENSITI GUNA TANAH

Maklumat guna tanah dan intensiti pembangunan sedia ada dan komited serta cadangan pembangunan masa hadapan diambil kira bagi mengunjurkan isipadu trafik. Empat (4) tugas utama yang dilaksanakan adalah:

- i. Menganalisa aktiviti guna tanah semasa dan corak pertumbuhan pembangunan;
- ii. Menganalisa aktiviti dan cadangan guna tanah masa hadapan/komited;
- iii. Mengunjurkan perjalanan (*trip*) ke dan dari aktiviti guna tanah semasa dan yang dirancang; dan
- iv. Menganalisa corak pengagihan perjalanan (*traffic distribution pattern*).

Zon dan intensiti guna tanah yang diambilkira dibahagikan kepada tiga (3) kategori:

- i. Kategori 1 (KAT 1) – terdiri daripada pembangunan mega dan pembangunan komited yang diperolehi melalui laporan TIA yang telah diterima.
- ii. Kategori 2 (KAT 2) – terdiri daripada aktiviti guna tanah masa hadapan yang dirancang dan komited untuk dibangunkan merujuk kepada PBRKL2020.
- iii. Kategori 3 (KAT 3) – terdiri daripada andaian *take up rate* 50% daripada cadangan guna tanah seperti dalam Draf PTKL2040 akan dibangunkan.




## 3.1 GUNA TANAH MASA HADAPAN

Kesemua maklumat guna tanah dari Kategori 1, 2 dan 3 bagi keseluruhan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tahun 2040 ditunjukkan dalam rajah.

PITKL2040 ini melibatkan kawasan perancangan iaitu:

- i. Kawasan Perancangan Utara (U1, U2 & U3),
- ii. Kawasan Perancangan Tengah (T1, T2, T3 & T4) dan
- iii. Kawasan Perancangan Selatan (S1, S2 & S3)



## 3.2 TRAFFIC ANALYSIS ZONE (TAZ)

Kawasan Perancangan di Bandar Raya Kuala Lumpur dibahagikan kepada zon yang lebih kecil yang dipanggil *Traffic Analysis Zone* (TAZ). Sempadan TAZ adalah mengikut jalan-jalan utama dan sempadan fizikal semulajadi seperti sungai dan sempadan kawasan perancangan. Tujuan TAZ adalah untuk mendapatkan OD mengikut zon yang terperinci berdasarkan pilihan laluan pengguna jalanraya.

Jumlah TAZ adalah sebanyak 376 yang terdiri daripada 353 TAZ Kawasan Perancangan DBKL dan 23 TAZ Kawasan Luaran DBKL.

|               | KAWASAN PERANCANGAN DBKL  | ID RUJ. KAWASAN | ID ZON BARU | BIL. TAZ   |
|---------------|---|-----------------|-------------|------------|
| TAZ DALAMAN   | <b>Kawasan: S</b>   | 1X              |             |            |
|               | S1  | 11              | 1101 - 1128 | 28         |
|               | S2  | 12              | 1201 - 1228 | 28         |
|               | S3  | 13              | 1301 - 1327 | 27         |
|               | <b>Kawasan: T</b>   | 2X              |             |            |
|               | T1  | 21              | 2101 - 2118 | 18         |
|               | T2  | 22              | 2201 - 2232 | 32         |
|               | T3  | 23              | 2301 - 2325 | 25         |
|               | T4  | 24              | 2401 - 2443 | 43         |
|               | <b>Kawasan: U</b>   | 3X              |             |            |
|               | U1  | 31              | 3101 - 3127 | 27         |
|               | U2  | 32              | 3201 - 3240 | 40         |
|               | U3  | 33              | 3301 - 3336 | 36         |
|               | <b>Kawasan Bersebelahan yang Memberi Impak Trafik kepada Kuala Lumpur</b> | 8X              |             |            |
|               | A1  | 81              | 8101 - 8121 | 21         |
|               | A2  | 82              | 8201 - 8217 | 17         |
|               | A3  | 83              | 8301 - 8311 | 11         |
|               | <b>Jumlah TAZ Dalaman</b>   |                 |             | <b>353</b> |
| TAZ LUARAN    | <b>Luaran</b>   | 99              | 9901 - 9923 | 23         |
|               | <b>Jumlah TAZ Luaran</b>  |                 |             | <b>23</b>  |
| <b>JUMLAH</b> |   |                 |             | <b>376</b> |



# TRAFFIC ANALYSIS ZONE (TAZ)

Pembahagian TAZ ditentukan dengan mengenal pasti laluan masuk dan keluar bagi setiap TAZ dan diselaraskan sewajarnya berdasarkan jalan-jalan sedia ada. Penentuan TAZ ini adalah supaya model trafik dapat menggambarkan keadaan jaringan trafik dengan lebih tepat.



### 3.3 PENJANAAN TRAFIK

Jadual merupakan unjuran penjanaaan trafik bagi keseluruhan kawasan Kuala Lumpur sehingga tahun 2040 untuk kedua-dua waktu puncak pagi dan petang.

Semua data unjuran jumlah trafik adalah dalam *passenger car unit per hour* (pcu/hr).

|  | BY2020  |         | Y2025   |         | Y2030   |         | Y2035   |         | Y2040   |         |
|--|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
|  | P       | A       | P       | A       | P       | A       | P       | A       | P       | A       |
| <b>PUNCAK PAGI</b>   |         |         |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>BY2020</b>  | 234,605 | 255,554 |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>DENGAN PERTUMBUHAN 2% SETAHUN DARI TIA YANG DITERIMA (KATEGORI 1)</b> | -       | -       | 259,023 | 282,153 | 342,835 | 361,713 | 391,717 | 415,166 | 450,597 | 480,982 |
|  | -       | -       | 51,493  | 45,462  | 63,448  | 59,777  | 79,851  | 80,252  | 93,809  | 97,336  |
| <b>GUNA TANAH DRAF PTKL2040</b>  |         |         |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>KATEGORI 2</b>  | -       | -       | 28,324  | 32,383  | 56,647  | 64,766  | 84,971  | 97,150  | 113,294 | 129,533 |
| <b>KATEGORI 3</b>  | -       | -       | -       | -       | -       | -       | -       | -       | 74,587  | 97,302  |
| <b>JUMLAH</b>  | 234,605 | 255,554 | 338,840 | 359,998 | 411,437 | 440,795 | 493,091 | 532,791 | 652,436 | 724,901 |
| <b>PUNCAK PETANG</b>   |         |         |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>BY2020</b>  | 255,843 | 237,336 |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>DENGAN PERTUMBUHAN 2% SETAHUN DARI TIA YANG DITERIMA (KATEGORI 1)</b> | -       | -       | 282,471 | 262,038 | 366,643 | 349,376 | 425,408 | 407,828 | 490,414 | 470,671 |
|  | -       | -       | 49,608  | 54,402  | 68,271  | 74,408  | 87,046  | 92,881  | 109,448 | 114,489 |
| <b>GUNA TANAH DRAF PTKL2040</b>  |         |         |         |         |         |         |         |         |         |         |
| <b>KATEGORI 2</b>  | -       | -       | 39,582  | 28,534  | 79,164  | 77,068  | 118,746 | 115,603 | 158,329 | 154,137 |
| <b>KATEGORI 3</b>  | -       | -       | -       | -       | -       | -       | -       | -       | 99,389  | 86,007  |
| <b>JUMLAH</b>  | 255,843 | 237,336 | 371,662 | 354,975 | 464,470 | 446,451 | 562,930 | 541,904 | 770,533 | 732,424 |

Nota: \*P = Production, A = Attraction



PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040

PITKL2040




**BAB 4**  
**MENCAPAI SASARAN MOD**  
**PISAH RAGAM**

## BAB 4: MENCAPAI SASARAN MOD PISAH RAGAM

Mod pisah ragam adalah nisbah peratusan pengguna dalam menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian. Manakala, pilihan mod adalah berkaitan dengan proses membuat keputusan dalam memilih jenis pengangkutan bagi melengkapkan perjalanan seseorang. Pemilihan mod pengangkutan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, lazimnya adalah disebabkan oleh tujuan perjalanan, kebolehpercayaan (reliability) sistem pengangkutan dan liputan rangkaian pengangkutan.

Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (Draf PSKL2040) telah menetapkan mod pisah ragam menjelang tahun 2040 adalah 70:30, di mana 70% adalah Pengangkutan Awam dan 30% adalah kenderaan persendirian. Pengangkutan awam adalah termasuk yang berasaskan rel, bas, teksi, e-hailing & mobiliti aktif.



TAHUN  
2025

50%

Pengangkutan Awam

TAHUN  
2030

53%

Pengangkutan Awam

TAHUN  
2035

60%

Pengangkutan Awam

TAHUN  
2040

70%

Pengangkutan Awam



### PETUNJUK:

- Liputan stesen transit sedia ada
- Liputan stesen LRT3 & MRT2
- Liputan stesen MRT3\*  
*\*berdasarkan jajaran MRT3*



# JAJARAN LALUAN TRANSIT DI KUALA LUMPUR



# 4.1 INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 50:50 PADA 2025   | CADANGAN AGENSI PELAKSANA  | TINDAKAN   |
|--|--|--|
| <p><b>a. Menaiktaraf kemudahan &amp; perkhidmatan ‘First Mile – Last Mile’</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menaiktaraf laluan pejalan kaki supaya lebih selamat, selesa dan mesra pengguna</li> <li>ii. Menyediakan rangkaian laluan mobiliti aktif yang komprehensif</li> <li>iii. Menyediakan dan mempertingkatkan tahap liputan koridor/laluan mobiliti aktif yang menghubungkan ke stesen transit</li> <li>iv. Mengenalpasti rangkaian laluan khas bas di lokasi strategik untuk menjadikan perjalanan lebih lancar dan terhindar dari kesesakan</li> <li>v. Meluaskan penyediaan hentian bas &amp; menambah liputan laluan bas di kawasan perumahan dan komersil yang tidak diliputi oleh perkhidmatan pengangkutan awam rel</li> <li>vi. Menambah kekerapan perkhidmatan bas</li> <li>vii. Penyediaan saiz bas lebih kecil supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh</li> <li>viii. Memperluaskan peraksanaan komuter bandar seperti perkhidmatan tram, bus rapid transit (BRT) dan bas GOKL di stesen transit yang baru dibina dan di kawasan-kawasan terpilih yang dijangka akan dapat meningkatkan kecenderungan orang ramai untuk beralih ke pengangkutan awam</li> <li>ix. Penyediaan garis panduan kemudahan sokongan bagi menghubungkan <i>first mile - last mile</i></li> </ul> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> | <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL, MIROS &amp; Prasarana</p> | <p>Perlu mewujudkan satu pasukan <i>Task Force</i> PITKL (Termasuk semua PBT di Lembah Klang, MOF, MOT, KKR, JKR, LLM, MIROS &amp; PDRM) untuk memastikan langkah-langkah untuk mencapai pisah ragam 50:50</p> <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 3 tahun sehingga 2025</p> |

## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 50:50 PADA 2025  | CADANGAN AGENSI PELAKSANA   | TINDAKAN  |
|---|---|---|
| <p><b>b. LRT3, MRT2 siap sepenuhnya &amp; beroperasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penambahbaikan kepada semua perkhidmatan transit sedia ada bagi menampung peningkatan <i>ridership</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penambahan bilangan koc transit</li> <li>b. Penambahan kekerapan koc transit</li> </ul> </li> <li>ii. Meningkatkan penyediaan kemudahan di stesen transit           <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyediaan kemudahan mesra OKU, warga emas dan kanak-kanak</li> <li>b. Memperkukuhkan keselamatan dan informasi bersepadu</li> </ul> </li> </ul> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p><b>c. Penyediaan akses maklumat laluan/perkhidmatan pengangkutan bas awam secara meluas dan efektif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merangka penyediaan Jadual Bas Semasa/Maklumat Langsung Bas melalui aplikasi, laman sesawang dan VMS/info screen di hentian bas</li> <li>ii. Menyediakan jadual bas masa langsung atas talian melalui aplikasi, laman sesawang dan VMS/info screen di hentian bas</li> <li>iii. Integrasi maklumat laluan dan frekuensi antara semua kemudahan pengangkutan awam (Rel dan Bas)</li> </ul> | <p>Prasarana, MRT Corp, KTM &amp; MOT</p> <p>Prasarana, MRT Corp, KTM &amp; MOT</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL &amp; Prasarana</p> <p>Prasarana &amp; MRT Corp</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 3 tahun sehingga 2025</p> <p>Pemantauan kepada cadangan penambahbaikan oleh agensi yang berkaitan</p> |

## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 50:50 PADA 2025   | CADANGAN AGENSI PELAKSANA  | TINDAKAN  |
|--|--|---|
| <p><b>d. Mengenalpasti &amp; menyediakan lebih banyak lokasi <i>Park &amp; Ride</i> di Kuala Lumpur</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti kawasan berpotensi untuk dinaik taraf menjadi Kawasan <i>Park &amp; Ride</i></li> <li>ii. Menyelaraskan kadar bayaran <i>Park &amp; Ride</i> di semua stesen transit (KTM, MRT &amp; LRT) bagi menarik lebih ramai pengguna</li> <li>iii. Menyediakan kemudahan pakej tiket pengangkutan awam yang turut mengambilkira kemudahan <i>Park &amp; Ride</i></li> <li>iv. Misalnya, Pass Perjalanan Tanpa Had My50 yang ditawarkan oleh Prasarana. Selain daripada menawarkan perjalanan tanpa had bagi penggunaan perkhidmatan LRT, MRT, Monorail, BRT, bas RapidKL dan feeder bus MRT, dicadangkan juga mengambil kira penggunaan di kemudahan parking stesen transit.</li> </ul> <p><b>e. Semakan semula dasar keperluan tempat letak kereta (TLK) di KL</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak membenarkan tempat letak kereta di tepian jalan di kawasan yang menyumbang kepada kesesakan lalulintas.</li> <li>ii. Mengkaji semula garis panduan penyediaan ruang tempat letak kereta di pusat bandar (kesesuaian menukar ruang TLK kepada aktiviti lain)</li> <li>iii. Menaikkan bayaran tempat letak kereta di pusat bandar</li> </ul> | <p>DBKL, Prasarana &amp; MRT Corp</p> <p>Prasarana</p> <p>MOT &amp; MOF</p> <p>MOT &amp; MOF</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 3 tahun sehingga 2025</p> <p>DBKL mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk jabatan teknikal dalaman DBKL (antaranya JPRB, JPB, JPIF, JKAWS) bagi melaksanakan langkah-langkah untuk mencapai sasaran pisah ragam 50:50</p> |





## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 53:47 PADA 2030   | CADANGAN AGENSI PELAKSANA  | TINDAKAN  |
|--|--|---|
| <p><b>a. Kajian Semula Pencapaian Sasaran Pisah Ragam 50:50 pada 2025 (<i>Post Mortem</i>) untuk penambahbaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tahap pencapaian liputan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien</li> <li>ii. Tahap <i>ridership</i> penggunaan transit</li> </ul> <p><b>b. Meningkatkan tahap kemudahsampaian ke perkhidmatan rel melalui sokongan bas pengantara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penambahan koridor laluan perkhidmatan bas berdasarkan permintaan bagi tujuan <i>first mile – last mile</i> (GOKL Bas Perantara MRT, Bas RAPID)</li> <li>ii. Penambahan hentian bas dengan kesalinghubungan ke stesen transit (keperluan merancang laluan bas pengantara)</li> </ul> <p><b>c. Pemberian insentif kepada kakitangan yang menggunakan pengangkutan awam oleh majikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kajian semula insentif pemberian My50/My100 kepada kakitangan awam &amp; swasta oleh majikan</li> </ul> <p><b>d. Penyelarasan antara PBT-PBT/agensi di Lembah Klang untuk mewujudkan keseragaman berkaitan polisi penyediaan kemudahan <i>first mile – last mile</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Polisi berkaitan penyediaan kemudahan <i>first mile – last mile</i> dalam radius TOD/TAD oleh pihak pemaju. (Laluan pejalan kaki berbumbung/berbasikal/mikromobiliti, jejantas, hentian bas)</li> </ul> | <p>DBKL,<br/>Prasarana &amp;<br/>MRT Corp</p> <p>DBKL,<br/>Prasarana &amp;<br/>MRT Corp</p> <p>DBKL</p> <p>MOF &amp; DBKL</p> <p>DBKL &amp; PBT-<br/>PBT<br/>bersempadanan</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 5 tahun sehingga 2030</p> <p>Mengadakan beberapa siri bengkel untuk mengenal pasti keberkesanan terhadap kepada inisiatif dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan mod pisah ragam tercapai</p> |

\*Unjuran pencapaian pengangkutan awam 53% adalah mengambilkira MRT2 telah beroperasi sepenuhnya termasuk *provisional stations* (Contoh stesen Bandar Malaysia Utara dan Bandar Malaysia Selatan)

## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 53:47<br>PADA 2030  | CADANGAN<br>AGENSI<br>PELAKSANA  | TINDAKAN  |
|--|--|---|
| <p><b>e. Menjalankan kajian bagi impak pelaksanaan RUC yang diselaraskan bersama agensi dan jabatan berkaitan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti kawasan sesak di pusat bandar bagi penentuan sempadan RUC</li> <li>ii. Kecukupan kapasiti kemudahan <i>Park &amp; Ride</i> di pinggir bandar / sempadan jajaran MRT3</li> <li>iii. Kaedah pelaksanaan RUC</li> <li>iv. Penentuan kadar harga RUC</li> <li>v. Kajian Terhadap Liputan Perkhidmatan Pengangkutan Awam</li> <li>vi. Impak dan keberkesanan RUC</li> </ul> | <p>DBKL &amp; MOT</p> <p>DBKL &amp; MRT Corp</p> <p>DBKL &amp; MOT</p> <p>DBKL &amp; MOT</p> <p>DBKL &amp; MOT</p> <p>DBKL &amp; MOT</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 5 tahun sehingga 2030</p> <p>Mengadakan beberapa siri bengkel untuk mengenal pasti keberkesanan terhadap kepada inisiatif dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan mod pisah ragam tercapai</p> |
| <p><b>f. Pelaksanaan kemudahan sokongan bagi menghubungkan <i>First Mile – Last Mile</i> mengikut Garis Panduan</b></p>  | <p>DBKL</p>  | <p>Mengadakan beberapa siri bengkel untuk mengenal pasti keberkesanan terhadap kepada inisiatif dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan mod pisah ragam tercapai</p>   |
| <p><b>g. Pelaksanaan perubahan jalan-jalan yang berpotensi dijadikan sebagai jaringan laluan mobiliti aktif</b></p>  | <p>DBKL</p>  | <p>Mengadakan beberapa siri bengkel untuk mengenal pasti keberkesanan terhadap kepada inisiatif dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan mod pisah ragam tercapai</p>   |


\*Unjuran pencapaian pengangkutan awam 53% adalah mengambilkira MRT2 telah beroperasi sepenuhnya termasuk *provisional stations* (Contoh stesen Bandar Malaysia Utara dan Bandar Malaysia Selatan)

## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 60:40<br>PADA 2035   | AGENSI<br>PELAKSANA   | TINDAKAN  |
|---|---|---|
| <p><b>a. MRT3 Circle Line siap dan beroperasi sepenuhnya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan kemudahan <i>Park &amp; Ride</i> di lokasi-lokasi strategik berdasarkan permintaan</li> <li>ii. Menyediakan koridor &amp; kemudahan mobiliti aktif (pejalan kaki, basikal, kenderaan mikromobiliti).</li> <li>iii. Perkhidmatan sokongan tersedia (perkhidmatan bas, hentian bas &amp; rangkaian lorong khas bas)</li> <li>iv. Meluaskan pengurangan lorong laluan jalan bermotor bagi melebarkan laluan mobiliti aktif</li> <li>v. Mengadakan <i>road dieting</i> di jalan-jalan dalam pusat bandar dan juga di kawasan had kelajuan 30km/j bagi memberi keutamaan kepada pengguna mobiliti aktif.</li> </ul> | <p>MRT Corp &amp; DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>MRT Corp &amp; DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 5 tahun sehingga 2035</p> <p>Mengenal pasti status tindakan pelaksanaan langkah-langkah untuk mencapai sasaran mod pisah ragam oleh pasukan <i>Task Force PITKL</i></p> |

\*Unjuran pencapaian mod pisah ragam 60% adalah mengambilkira MRT3 sebagai pelengkap kepada sistem pengangkutan awam berasaskan rel telah beroperasi sepenuhnya.

## INISIATIF UNTUK MENCAPAI MOD PISAH RAGAM YANG DISASARKAN

| LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCAPAI SASARAN PISAH RAGAM 60:40 PADA 2035  | AGENSI PELAKSANA  | TINDAKAN  |
|---|---|---|
| <p><b>b. Pelaksanaan Perintis RUC di kawasan yang telah dikenalpasti di dalam kordon MRR1 (Jln Tun Razak, Jln Istana, Lebuhraya Sultan Iskandar, Jln Yew dan Jln Damansara)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada <i>Park &amp; Ride</i> di dalam kawasan ini</li> <li>ii. Kemudahan perkhidmatan awam yang menyeluruh &amp; efisien di luar kordon MRR1</li> </ul>  <p><b>c. Pelaksanaan dasar garis panduan baru penyediaan ruang tempat letak kereta di kawasan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memansuhkan tempat letak kereta tepian jalan</li> <li>ii. Mengurangkan kadar keperluan tempat letak kereta bagi pembangunan dalam kawasan RUC</li> <li>iii. Ruang TLK di bahu jalan ditukar kepada penyediaan laluan mobiliti aktif yang lebih luas dan mesra pengguna</li> </ul> | <p>DBKL, MOT, MIROS, DBKL &amp; Prasarana</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> <p>DBKL</p> | <p>Cadangan perlu dilaksanakan oleh jabatan/agensi berkaitan dalam tempoh 5 tahun sehingga 2035</p> <p>Mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pasukan <i>Task Force</i> PITKL bagi mendapatkan input bersesuaian kawasan yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan RUC</p> <p>Memantau keberkesanan pelaksanaan dan tindakan penguatkuasaan</p> |





Nota:Unjuran pencapaian mod pisah ragam 60% adalah mengambilkira MRT3 sebagai pelengkap kepada sistem pengangkutan awam berasaskan rel telah beroperasi sepenuhnya.



## 4.2 PENETAPAN PARAMETER LIPUTAN KEBOLEHCAPAIAN STESEN TRANSIT

Dalam menentukan liputan kebolehcapaian stesen transit, kesemua stesen transit sedia ada dan dirancang telah diambilkira.

Kategori tahap kebolehcapaian stesen transit tidak terhad kepada pejalan kaki sahaja, kerana terdapat pengguna berbasikal dan kenderaan mikromobiliti. PITKL2040 mencadangkan agar akses ke stesen transit dapat dikembangkan kepada empat (4) kawasan dari stesen transit yang dikenal pasti seperti berikut:

| KAWASAN TERAS   | KAWASAN UTAMA   | KAWASAN SEKUNDER   | KAWASAN LUAR LIPUTAN  |
|---|---|--|---|
| (0m – 400m)   | (401m – 800m)   | (801m – 1,000m)  | (melebihi 1,000m)   |
| Pejalan kaki dan basikal  | Pejalan kaki, berbasikal dan kenderaan mikromobiliti                                | Berbasikal dan kenderaan mikromobiliti   | Kenderaan mikromobiliti, bas, teksi dan <i>e-hailing</i>                              |
|  |  |  |  |



PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040

**PITKL2040**

# **BAB 5 ANALISA TERHADAP MOD MOBILITI AKTIF**





## 5.1 MOD MOBILITI AKTIF

Mobiliti aktif adalah pergerakan daripada suatu destinasi ke destinasi lain secara berjalan kaki, berbasikal atau menggunakan kenderaan mikromobiliti.

## 5.2 CABARAN PERLAKSANAAN MOD MOBILITI AKTIF

- i. Tiada kesinambungan rangkaian pejalan kaki/basikal yang menyeluruh.
- ii. Pencerobohan laluan pejalan kaki/basikal oleh kenderaan bermotor dan penjaja.
- iii. Larangan penggunaan kenderaan mikromobiliti (contohnya *e-scooter*) di atas jalanraya oleh pihak berkuasa.
- iv. Tiada kemudahan fasiliti sokongan bagi penunggang basikal (*parkir, shower room, locker*)
- v. Kurang laluan berbumbung di sepanjang jalan yang menghubungkan kawasan perumahan ke kawasan komersil, institusi pendidikan atau bangunan kerajaan.
- vi. Kebimbangan terhadap ancaman keselamatan, terutama sekali di kawasan-kawasan laluan yang terpencil dan terlindung.
- vii. Kemudahan infrastruktur yang tidak mesra pengguna (*universal design*), seperti tiada tanjakan (*ramp*) apabila terdapat perubahan aras permukaan laluan dan laluan pejalan kaki/basikal yang sempit dan tidak rata.



## 5.3 CADANGAN PELAKSANAAN MOD MOBILITI AKTIF

- i. Menyediakan lebih banyak kemudahan parkir mod mobiliti aktif yang selamat di stesen-stesen pengangkutan rel dan bangunan-bangunan pejabat serta komersil.
- ii. Membenarkan mod mobiliti aktif dibawa ke dalam pengangkutan awam pada setiap masa, bukan hanya diluar waktu puncak.
- iii. Menambah liputan rangkaian laluan mod mobiliti aktif ke seluruh kawasan-kawasan tumpuan awam.
- iv. Menyediakan *shower room* yang dilengkapi dengan kemudahan parkir mod mobiliti aktif dan loker di kawasan-kawasan strategik.
- v. Melaksanakan kajian kesesuaian bagi cadangan untuk membenarkan penggunaan beberapa jenis mod mikromobiliti dengan syarat-syarat dan peraturan tertentu.
  - Penguatkuasaan peraturan dan syarat-syarat penggunaan mod mikromobiliti di jalan raya supaya ia dapat digunakan dengan selesa dan selamat.
  - Penyediaan garis panduan bagi pelaksanaan mod mikromobiliti.
- vi. Menyediakan zon-zon pejalan kaki di kawasan-kawasan terpilih di dalam pusat bandar terutama sekali kawasan-kawasan tumpuan para pelancong.
- vii. Meluaskan penyediaan hentian bas/teksi yang berbumbung dalam rangkaian laluan mod mobiliti aktif di seluruh Kuala Lumpur.







PELAN INDUK TRAFIK  
KUALA LUMPUR 2040  
**PITKL2040**

# **BAB 6**

# **CADANGAN PELENGKAP**

# **JARINGAN JALAN**



# BAB 6: CADANGAN PELENGKAP JARINGAN JALAN

Lebuhraya baru yang dibenarkan dan diambilkira dalam PITKL2040 adalah melibatkan penyambungan lebuhraya ke lebuhraya sedia ada sahaja. Pembinaan lebuhraya baru yang melalui jalan - jalan dalam bandar yang merupakan *pass through traffic* adalah tidak diperlukan pada masa hadapan bagi mengelakkan kesesakan yang lebih teruk kepada jalan - jalan tersebut.

Koridor lebuhraya baru yang dikenalpasti dalam PITKL2040 adalah:

- a) KL Northern Dispersal Expressway (KL NODE)
- b) Duta Ulu Klang Expressway 2A (DUKE 2A)
  - i. DUKE 2A – Istana Link
  - ii. DUKE 2A – Kg Bharu Link
- c) New Pantai Expressway Phase 2 (NPE 2)

Konsep yang dicadangkan di atas adalah tertakluk kepada dasar kerajaan dan keperluan yang bersesuaian pada ketika itu.

Terdapat 52 jalan tidak bersambung (*missing link*) dan 9 jalan untuk dinaik taraf di Kuala Lumpur telah dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi mengukuhkan fungsi jalan sedia ada dan menyuraikan permintaan lalu lintas dari pembangunan bersebelahan yang dirancang.


